

# Kerajaan guna segala saluran diplomatik bebaskan aktivis

PM bersama pasukan mula hubungi pelbagai pihak berkepentingan

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Muhammad Yusri Muzamir dan Nurhanim Osman  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan memanfaatkan segala saluran diplomatik yang sedia kuat di peringkat antarabangsa, menuntut pembebasan semua aktivis Global Sumud Flotilla (GSF) termasuk dari Malaysia, yang kini ditawan tentera Israel secara tidak sah di Laut Mediterranean semalam, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri bersama pasukannya mula menghubungi pelbagai pihak berkepentingan termasuk menggunakan saluran diplomatik, sebaik mendapat maklumat mengenai tindakan tentera rejim zionis Israel memintas konvoi GSF.

"Sebaik memperoleh maklumat mengenai penahanan 23 anak Malaysia di atas kapal GSF, saya terus menghubungi Perdana Menteri Qatar, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Al Thani dan Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan.

"Petang ini (semalam), saya menghubungi Presiden Mesir, Abdel-Fattah al-Sisi, manakala Mohamad (Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan) menghubungi beberapa rakan (dari negara) lain (bagi tujuan sama).

"Malaysia akan menggesa campur tangan Amerika Syarikat (AS) dalam usaha membebaskan sukarelawan GSF. Menteri Luar dijadualkan menghubungi Setiausaha Negara AS, Marco Rubio," katanya.

Perdana Menteri yang juga Penaung Utama Sumud Nusantara, ketika mengesahkan tindakan tentera Israel itu, menegaskan perbuatan menghalang misi kemanusiaan GSF bukan sahaja memperlekeh hak asasi rakyat Palestin, malah menginjak nurani masyarakat dunia yang kini tidak lagi bersama Israel.

Katanya, nilai kemanusiaan tidak lagi berharga sama sekali, jika sukarelawan GSF itu dita-



Anwar ketika menghubungi beberapa pihak berkepentingan dalam usaha membebaskan rakyat Malaysia yang ditawan tentera Israel.  
(Foto tangkap layar video PMO)

han ketika cuba menyalurkan bantuan kepada golongan lemah dan kelaparan termasuk wanita dan kanak-kanak di Gaza.

"Misi GSF adalah usaha kemanusiaan yang digerakkan orang awam tanpa senjata, membawa bantuan yang amat diperlukan rakyat Gaza. Kalau ini tidak dapat dilakukan, maknanya nilai kemanusiaan kita tidak berharga sama sekali.

"Flotilla itu bukan sekadar konvoi bantuan tetapi simbol perpaduan, solidariti dan kasih sayang umat manusia. Ia membawa sinar harapan untuk meringankan penderitaan mereka yang terus dipaksa hidup melarat di bawah sekatan zalim.

"Saya menggesa semua aktivis serta sukarelawan Malaysia dan antarabangsa dibebaskan dengan kadar segera. Kerajaan akan lakukan yang terbaik membebaskan warga Malaysia dalam tahanan.

"Saya berdoa kepada Allah SWT supaya kezaliman rejim Israel ini dihentikan dan rakan kita dibebaskan, selain saluran bantuan kemanusiaan kepada rakan kita di Gaza, Palestin dapat disalurkan segera," katanya.

Sehingga jam 3 petang semalam waktu Malaysia, sekurang-kurangnya 15 sukarelawan rakyat Malaysia adalah antara 200 peserta GSF ditawan tentera Israel selepas memintas kapal layar dinaiki mereka dalam pelayaran ke Gaza mulai tengah malam kelmarin hingga semalam.

Ratusan peserta sumud yang ditawan itu dibawa ke Pelabuhan Ashdod, Israel, untuk proses siasatan, sama ada penghantaran

pulang ke negara asal atau tindakan undang-undang.

Serentak tindakan tentera Israel menawan peserta GSF itu, penyokong misi sumud itu di seluruh dunia itu bangkit menyuarakan bantahan dengan mengadakan demonstrasi di negara masing-masing.

## Orang ramai demonstrasi

Di Kuala Lumpur, orang ramai yang membantah perbuatan itu mengadakan demonstrasi di hadapan Kedutaan Amerika Syarikat.

Anwar menegaskan, selagi hak dan aspirasi rakyat Palestin dinafikan, Malaysia kekal berdiri teguh dan tidak akan berundur daripada terus mendesak dan menuntut kezaliman dan perampasan yang berlarutan sejak sekian lama oleh rejim itu dihentikan.

Perdana Menteri turut mendoakan agar ahli keluarga semua aktivis dan sukarelawan yang terbabit dalam misi GSF diberi kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi detik mencabar ketika ini.

"Perkembangan setiap proses menuju pembebasan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Marilah kita bersama-sama memanjatkan doa agar semua tahanan, khususnya warga Malaysia berada dalam keadaan selamat dan terpelihara.

"Kepada Allah SWT kita beresah, disulam usaha menyeluruh yang digerakkan, semoga kesemua mereka dibebaskan dengan selamat. Doa rakyat Malaysia untuk Global Sumud Flotilla," katanya.